

Pemindahan Dana Ke Luar Negara Maybank – Terma & Syarat

Terma dan Syarat ini haruslah dibaca bersama **Terma & Syarat Perbankan Dalam Talian Maybank2u** dan **Terma & Syarat Yang Mengawal Akaun Perbankan** yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my.

1. Takrif yang terkandung di dalam Terma dan Syarat ini, melainkan konteks menyatakan sebaliknya, "kami", "Maybank" dan "Bank" adalah merujuk kepada Malayan Banking Berhad dan "anda", "kamu", "Pelanggan" adalah merujuk kepada pelanggan Bank yang menggunakan perkhidmatan pemindahan dana oleh Pemindahan Dana Ke Luar Negara Maybank kepada Akaun Penerima.

"Pemindahan Dana Ke Luar Negara", "Pemindahan Dana" atau "Kemudahan" merujuk kepada pemindahan dana kemudahan yang disediakan oleh Bank untuk Pelanggan terpakai bagi terma dan syarat ini.

"Akaun Semasa" bermaksud mana-mana akaun semasa Maybank yang diselenggara oleh Pelanggan.

"Akaun Simpanan" bermaksud mana-mana akaun simpanan Maybank yang diselenggara oleh Pelanggan.

"Akaun Penerima" bermaksud sebarang akaun simpanan atau akaun semasa yang dikekalkan oleh penerima dana dengan mana-mana Entiti Maybank atau bank berkenaan yang lain (senarai bank berkenaan boleh didapati pada pautan <https://www.mas.gov.sg/regulation/payments/meps>) melalui Kemudahan.

"Entiti Maybank" bermaksud Maybank Singapore Limited (MSL) dan Singapore Branch of Malayan Banking Berhad (MBS).

2. Anda boleh menggunakan Kemudahan untuk debit jumlah tersebut daripada Akaun Simpanan atau Akaun Semasa dan membuat pemindahan jumlah tersebut kepada mana-mana Akaun Penerima.
3. Arahan Pemindahan Dana adalah tertakluk kepada had dan syarat yang dikenakan dan/atau semakan semula oleh Bank atau pihak berkuasa yang berkenaan adalah mengikut budi bicara mutlak mereka dari semasa ke semasa.
4. Anda setuju bahawa Bank mempunyai hak untuk mengenakan sejumlah caj yang akan ditentukan oleh Bank untuk peruntukan Kemudahan kepada anda. Bank akan debit caj yang dikenakan tersebut daripada Akaun Simpanan atau Semasa anda dan jika terdapat sebarang perubahan pada caj dan/atau fi tersebut, Bank akan memberikan notis seawal dua puluh satu (21) hari kepada anda. Dan juga, bayaran perkhidmatan yang berkenaan akan dimaklumkan kepada anda ketika anda melakukan pemindahan.
5. Bank akan melaksanakan pemindahan jumlah tersebut kepada Akaun Penerima berdasarkan maklumat dan/atau arahan yang diberikan oleh anda, dalam bentuk matawang Akaun Penerima yang ditukar daripada matawang Malaysia berdasarkan

kadar pertukaran pada tarikh yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara kami.

6. Anda harus memastikan maklumat dan/atau arahan yang diberikan oleh anda kepada Bank untuk tujuan melaksanakan sebarang pemindahan dana melalui Kemudahan adalah lengkap, benar dan tepat. Anda juga setuju untuk memberikan maklumat lebih lanjut kepada Bank sekiranya diperlukan oleh kami untuk tujuan melaksanakan sebarang pemindahan.
7. Arahан yang telah anda berikan kepada Bank jika anda memindahkan dana ke akaun anda sendiri atau Akaun Penerima juga hendaklah tertakluk pada terma dan syarat dan/atau kelulusan bank yang dengannya akaun lain itu dikekalkan. Bagi mengelakkan keraguan, perkhidmatan Pemindahan Dana ini hendaklah tersedia untuk pemindahan dana ke akaun anda sendiri atau akaun pihak ketiga dengan bank tersebut, seperti yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
8. Walaupun Bank akan berusaha sedaya upaya untuk melakukan pengesahan yang diperlukan ke atas arahan dan/atau maklumat yang diterima, Bank boleh bertindak, bergantung atau memegang anda bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua arahan yang dihantar kepada Bank (sama ada arahan diberikan oleh anda atau tidak) dan Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang transaksi yang tidak dibenarkan. Anda setuju bahawa Bank boleh menganggap maklumat dan/atau arahan yang diterima sebagai sahih walaupun terdapat sebarang kesilapan, penipuan, pemalsuan, kekurangan kejelasan atau salah faham dari segi maklumat dan/atau arahan tersebut dan anda akan memberi ganti rugi kepada Bank atas sebarang kerugian atau kerosakan atau kos (termasuk kos undang-undang atas dasar ganti rugi penuh) yang timbul dari Bank bergantung kepada arahan dan/atau maklumat tersebut.
9. Sekiranya sesuatu transaksi ditolak, anda akan diberitahu sama ada dengan segera atau bergantung pada masa respons bank benefisiari berkenaan yang dengannya Akaun Penerima dikekalkan. Walau apa pun perkara ini, sekiranya bank benefisiari yang kepadanya Pemindahan Dana dibuat menangguhan, menolak, enggan atau selainnya tidak dapat menerima Pemindahan Dana tersebut, atau sekiranya terdapat apa-apa masalah sistem yang mengakibatkan penangguhan, penolakan, keengganan atau ketakteriman Pemindahan Dana tersebut, anda akan diberikan bayaran balik dengan sewajarnya selepas siasatan yang berkaitan telah dijalankan oleh Bank untuk mengesahkan bahawa penangguhan, penolakan, keengganan atau ketakteriman Pemindahan Dana tersebut merupakan akibat masalah sistem Bank.
Amaun yang dibayar balik akan bergantung pada kadar pertukaran semasa seperti pada hari bayaran balik tersebut dikeluarkan dan caj yang dikenakan oleh bank benefisiari, jika ada.
10. Bank tidak bertanggungjawab ke atas anda dalam apa jua cara untuk sebarang kerugian, kos, tuntutan, perbelanjaan dan kerosakan yang dilakukan oleh anda berkaitan dengan Kemudahan melainkan disebabkan sepenuhnya oleh kecuaian Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada kelewatan atau kegagalan penghantaran arahan oleh mana-mana entiti lain yang terlibat di dalam proses Pemindahan Dana atau di atas perintah kerajaan, perintah mahkamah, undang-undang, pungutan, cukai atau had pertukaran. Anda juga mengakui dan bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kegagalan untuk melaksanakan Pemindahan Dana dimana bank benefisiari yang menjadi tujuan Pemindahan Dana

telah ditangguhkan, ditolak, atau tidak menerima Pemindahan Dana tersebut.

11. Tidak akan terdapat sebarang pembatalan pemindahan dana di bawah Kemudahan ini.
12. Bank boleh memberi notis awal dua puluh satu (21) hari melalui Maybank2u mengikut variasi Terma dan Syarat ini dan variasi tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh yang ditentukan oleh kami. Jikan anda menggunakan Kemudahan selepas tarikh tersebut anda dianggap telah menerima variasi tersebut.
13. Terma & Syarat ini hendaklah merupakan tambahan kepada Terma & Syarat Yang Mengawal Akaun Perbankan, Terma & Syarat Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian Maybank2u dan **Terma dan Syarat Aplikasi MAE oleh Maybank2U** yang sedia ada. Terma dan Syarat ini hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam sebarang bahan promosi (termasuk, tanpa batasan, poster bercetak atau risalah) yang mengiklankan aplikasi ini.
14. Terma & Syarat ini akan dikawal oleh Undang-Undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

15. Pertanyaan dan Aduan

- a. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan dan/atau aduan yang timbul daripada transaksi anda, berkenaan dengan Terma & Syarat ini atau kegunaan Kemudahan, anda boleh merujuk perkara tersebut kepada Kumpulan Servis Pelanggan Maybank di 1-300-88-6688 atau 603-7844 3696 (jika anda berada di luar negara), hantarkan melalui laman sesawang Maybank2u atau secara bertulis kepada Bank ke alamat berikut:

Malayan Banking Berhad
Internet Banking, Maybank2u Business
Virtual Banking Lot 12, Jalan Astaka U8/84
Section U8, Bukit Jelutong
40150 Shah Alam, Selangor

- b. Maybank akan berusaha sedaya upaya untuk membalaaskan pertanyaan dan menyelesaikan sebarang masalah atau isu yang dikemukakan oleh anda;
- c. Anda harus menerangkan pertanyaan, aduan dan/atau pertikaian anda dan butiran atau maklumat tersebut dengan jelas seperti yang diperlukan oleh Maybank dan aduan dan/atau pertikaian tersebut akan ditangani dan/atau diselesaikan mengikut prosedur aduan dan penyelesaian pertikaian yang ditetapkan oleh Maybank.